

IMPLIKASI SOSIAL KEMASUKAN PENDATANG ASING DI KEDAH

Radziah Abdul Rahim,
Siti Alida John Abdullah
Rohani Ab. Ghani.
Sekolah Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia

Peranan yang dimainkan oleh pendatang asing di negara ini dari segi pembangunan ekonomi tidak dapat dinafikan. Namun begitu, kemasukan mereka telah memberi kesan terhadap beberapa aspek sosial seperti jenayah, kesihatan awam dan pendidikan. Kajian ini meneliti kesan kemasukan pendatang asing di Kedah dalam aspek-aspek sosial yang dinyatakan di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun Kedah turut terdedah kepada masalah kemasukan pendatang asing, namun ia tidak memberi impak yang besar terhadap keadaan sosial di negeri ini.

PENGENALAN

- Pergantungan Malaysia terhadap tenaga kerja asing disebabkan kekurangan tenaga kerja dalam kebanyakan sektor ekonomi terutamanya perladangan, pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan.
- Kini terdapat kira-kira dua juta pendatang asing di negara kita dan 500,000 daripada mereka merupakan pendatang tanpa izin. Kebanyakan mereka adalah rakyat Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina dan Myanmar.
- Bandar-bandar utama yang menjadi tumpuan pendatang asing adalah Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Johor Bharu dan juga di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Bandar dan negeri-negeri ini telah menanggung kesan negatif dari aspek sosial akibat kehadiran pendatang asing.

OBJEKTIF

- Meneliti penglibotan pendatang asing dalam kegiatan jenayah di Kedah.
- Meneliti permintaan di kalangan pendatang asing bagi mendapatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan awam dan implikasi kepada kerajaan dan masyarakat tempatan.

- Melihat kedudukan penyakit berjangkit merbahaya di kalangan pendatang asing.
- Mengenal pasti permintaan pas pelajar bagi pendidikan rendah dan menengah di sekolah awam di kalangan anak-anak pendatang asing.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

- Data-data primer diperolehi daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Hospital-hospital awam dan Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Perhubungan Awam, Jabatan Pendidikan di Kedah, dan Ibu Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur.
- Data-data sekunder diperolehi dari kajian perpustakaan, carian internet dan risalah-risalah kesihatan.
- Data-data ini telah dianalisis berdasarkan analisis "cross-section" dan siri-masa untuk tempoh 1996 hingga 1998.
- Analisis kualitatif digunakan untuk membincangkan dapatan dengan menggunakan beberapa bentuk statistik deskriptif.

INSTRUMEN KAJIAN

- Kedudukan jenayah indeks dan bukan indeks di kalangan pendatang asing.
- Petunjuk kesihatan awam dari segi penyakit berjangkit, permintaan terhadap jenis-jenis kemudahan kesihatan, kedudukan bayaran bagi kemudahan yang disediakan dan kos subsidi.
- Petunjuk permintaan terhadap pendidikan awam.

LIMITASI KAJIAN

- Data dan rekod-rekod yang diperolehi sering tidak relevan dengan fokus kajian.

RUMUSAN

Masalah jenayah, kesihatan dan pendidikan yang ditimbulkan oleh pendatang asing di Kedah adalah pada tahap minimum.

Jenayah

- Penglibatan pendatang asing dalam jenayah indeks adalah amat kecil.
- Penglibatan mereka dalam jenayah bukan indeks seperti rasuah, pemalsuan dokumen pengenalan diri dan memasuki negara tanpa kebenaran adalah agak tinggi.
- Kota Setar, Kuala Muda dan Kulim mencatatkan jumlah kes jenayah bukan indeks yang tinggi berbanding lain-lain daerah. Langkawi pula mencatatkan kes jenayah indeks yang tertinggi di Kedah.

Kesihatan

- Sebahagian hospital dan PKD di Kedah tidak mempunyai laporan terperinci mengenai penyakit-penyakit merbahaya di kalangan pendatang asing.
- Penyakit Hepatitis adalah penyakit merbahaya yang utamanya di kenalpasti di kalangan mereka.
- Warga Thai paling ramai mengidap penyakit merbahaya di Kedah.
- Jumlah pesakit asing yang mendapat perkhidmatan kesihatan awam di Kedah adalah kurang dari satu peratus dari jumlah keseluruhan pesakit (kecuali di Langkawi).
- Kes bersalin yang tertinggi di kalangan pendatang asing adalah di Hospital Alor Setar.
- Hospital Langkawi menanggung jumlah subsidi tertinggi di Kedah.
- Kementerian Kesihatan menetapkan polisi bayaran untuk pendatang asing pada kadar dua kali ganda berbanding warga tempatan.
- Kementerian Kesihatan mengamalkan prinsip kesihatan untuk semua pesakit (tanpa mengira warganegara/ kemampuan/status kemasukan ke negara ini) demi kemanusiaan.

Pendidikan

- Jumlah permohonan pas pelajar untuk anak pendatang asing di Kedah adalah kecil.
- Jumlah permohonan tertinggi bagi pas pelajar sekolah awam adalah dari warga India, diikuti warga Thai dan seterusnya di kalangan lain-lain warga Asia.

- Polisi kutipan yuran kerajaan bagi anak pendatang asing adalah RM240 setahun bagi sekolah menengah dan RM120 bagi sekolah rendah. Pengecualian yuran diberikan kepada murid yang bapa mereka mempunyai kad pengenalan merah atau hijau.